

Pesta konvo USIM dapat sambutan

SEREMBAN 24 Nov. - Pengunjung Pesta Konvo-kesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 yang masuk hari kedua hari ini terus mendapat sambutan apabila orang ramai memanfaatkan cuti hujung minggu dengan berkunjung ke pekarangan tapak pesta itu di kampus universiti berkenaan.

Pengurus Pemasaran Wilayah Tengah Jabatan Pemasaran Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., Rosman Zulkifli memberitahu, sejak pagi lagi hampir 2,000 orang mengunjungi tapak pesta berkenaan.

"Kita jangkakan jumlah kehadiran akan bertambah hingga ke malam nanti. Kumpulan Utusan juga membuka gerai yang menawarkan pelbagai jenis majalah dan buku dengan harga lebih murah.

"Pelbagai acara turut dijalankan termasuk pertandingan dart dan karaoke selain sudut penghias wajah dan khat jawi," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Dalam pada itu, Rosman memberitahu, pihaknya akan terus membuka kaunter selama 24 jam bermula hari ini bagi membolehkan para peserta untuk turut serta dalam pertandingan memancing yang akan diadakan bermula esok.

Sementara itu, Konsert Pancaindera turut memeriahkan pesta konvo-kesyen berkenaan dengan menampilkan beberapa artis terkenal tanah air antaranya Ana Rafali, Ainan Tasnim, Yassin Sulaiman serta kumpulan nasyid Hijjaz.

Konsert yang bermula pada pukul 8.30 malam itu turut diserikan oleh pelawak dan pelakon terkenal, Nabil Ahmad yang bertindak sebagai pengacara majlis.